

## Bab IV : Keadaan Belajar Sambil Bekerja

### 4.1 Pengenalan

Pelajar asing dibenarkan bekerja semasa belajar di Jepun. Tindakan kerajaan Jepun itu sebenarnya adalah berhasrat membolehkan pelajar asing berinteraksi dengan orang Jepun untuk mengetahui budaya Jepun yang tidak dapat dipelajari dari buku. Di samping itu, polisi ini dibuat juga untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja di Jepun.

Namun demikian, kini cara belajar sambil bekerja ini tidak asing lagi bagi pelajar asing yang saradiri, memandangkan kadar pertukaran wang Jepun dan kos hidup di Jepun semakin meningkat. Untuk meneruskan pelajaran mereka, itulah satu-satu cara selain daripada memohon biasiswa.

### 4.2 Pengertian 'Arubaito'

Kerja sampingan adalah disebut 'Arubaito' dalam bahasa Jepun. Istilah ini berasal daripada perkataan Jerman 'arbeit' yang bermakna 'kerja'.

#### 4.2.1 Syarat dan Peraturan Pekerjaan Arubaito

---

Pelajar asing di Jepun boleh bekerja sampingan mengikut beberapa syarat dibawah jika mereka mendapat kebenaran daripada Biro Imigresen Tempatan bagi membabitkan diri dalam kegiatan di luar bidang tahap residennya, iaitu :-

- 1) Tujuan utama adalah untuk mendapat wang bagi membiayai yuran tuisyen dan bayaran lain yang perlu sepanjang pengajian di Jepun.
- 2) Jumlah jam bekerja tidak boleh melebihi 4 jam sehari (tidak termasuk Ahad, cuti nasional dan cuti musim panas). Ia ditunjukkan dalam jadual di bawah :

Jadual 9 : Jumlah Jam Kerja yang dibenarkan kepada Pelajar Asing

Jenis Pelajar	'Resident Status'	Jam maksimum sehari	Masa Lanjutan
1. Mahasiswa & ijazah lanjutan	Pelajar kolej	4 jam	cuti musim panas (7/7-31/8)
2. Pelajar kursus khas di Universiti			8 jam
3. Pelajar Penyelidik & Audit		2 jam	
4. Pelajar kursus khas di sekolah		4 jam	Perlu memohon secara individu
5. Pelajar kolej teknologi			
6. Pelajar Bahasa Jepun	Pelajar pra-kolej		tidak boleh lanjutkan masa kerja

Sumber : `ABC 's of study in Japan 1991 oleh Association of International Education. Japan (AIEJ), MARUZEN CO, LTD.Japan 1991, m.s. 154.

3. Jenis kerja yang dilakukan tidak bertentangan dengan Undang-undang Kawalan Kemajuan Hiburan, Akta melanggar undang-undang lain atau Ordinan Awan .

Terdapat 8 jenis kerja yang dilarang keras oleh kerajaan Jepun di bawah Akta mengenai Peraturan Pusat Hiburan dan Memperbaiki Aktiviti-aktiviti Perniagaan (Bab 1, Artikel 2 ).

Secara amnya, ia adalah seperti berikut:

- a) Kabaret yang meneman pelanggan tari-menari dan makan-minum.
- b) Tempat khas yang berunsur kegiatan pelacuran seperti Bar, restoran, cafe yang mempunyai kemudahan melayan dan bergembira bersama pelanggan. (Perkara kecuali a.)
- c) Kelab malam yang mempunyai kemudahan menari dan makan-minum. (perkara kecuali a)
- d) 'Dewan tari' yang mempunyai kemudahan menari (perkara kecuali a & c).
- e) Restoran, bar yang mempunyai kemudahan khas untuk Pelanggan makan-minum. Di bawah Peraturan Majlis keselamatan Awan Negara yang cahaya lampu dibawah 10 Luxes.(perkara kecuali a - c)
- f) Restoran, Bar yang mempunyai kemudahan khas untuk pelanggan makan-minum. Tempat duduknya sukar dilihat dan ruang duduk di bawah 5 meter segiempat.
- g) Kedai mahjong, kedai 'Pachinko' (pinball game) yang berunsur perjudian.
- h)'Slot Machine', mesin permainan elektrik, atau kawasan yang berkemudahan berjudi. (perkara kecuali g)

Mengikut Akta Kawalan Imigrasi Baru (Artikel 19, Perenggan 1 dan 2 ) yang dikuatkuasakan pada 1hb.Jun.1990. Seseorang pelajar asing yang ingin melakukan kegiatan lain (kerja sampingan) selain daripada kegiatan yang dibenarkan dalam residen statusnya hendaklah mendapat kebenaran dari

Biro Imigresen Tempatan melalui permohonan. Mulai tarikh itu, pelajar kolej yang sebelum itu tidak perlu membuat permohonan, kini dikehendaki juga berbuat demikian. Surat kebenaran bekerja adalah sah sepanjang pengajian di Jepun dan tidak perlu memohon lagi bila bertukar kerja.

Prosedur permohonan adalah seperti berikut : -

Dokumen yang perlu:

- i. Borang 'Application For Permission To Engage In Activity Other Than That Permitted Under The Status Of residence Previously Granted'
- ii. Paspot
- iii. Kad Pendaftaran warganegara Asing atau Sijil

Sekiranya seseorang bekerja tanpa kebenaran, maka dia akan dihukum (Artikel 73 dalam Akta Kawalan Imigrasi) atau tidak akan diberi kelulusan permohonan melanjutkan penempatannya di Jepun nanti. Namun demikian, kebanyakan pelajar asing termasuk pelajar Malaysia langsung tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan Jepun. Begitu juga dalam peraturan yang mengatakan seseorang pelajar pra-kolej hanya boleh mula bekerja selepas 6 bulan berada di Jepun, tetapi biasanya mereka akan bekerja sebaik sahaja menetap di Jepun.

#### 4.2.2 Latar belakang Penglibatan Pelajar Dalam Kerja Sampingan

---

Sejak kebelakangan ini, pekerja informal (tenaga kerja yang sementara) telah menjadi satu sumber tenaga yang penting dalam bidang perkhidmatan dan restoran di Jepun. Golongan ini terdiri daripada pelajar dan para surirumahtanga yang membabitkan diri dalam kerja sampingan ("Arubaito").

Menurut kajian Institut Penyelidikan kerja di Tokyo pada 1985, secara puratanya terdapat 39.6 orang pekerja formal dan 26.8 orang pula sebagai kerja informal di sebuah tempat kerja. Kategori pekerja informal terbahagi kepada 2 golongan utama, iaitu suri-rumahtanga dan pelajar. Ia boleh dilihat pada jadual 10 dibawah.

Jadual 10 : Struktur Tenaga Kerja Pelajar Dalam Arubaito.

Pekerja formal 39.6 orang (59.5%)	Pelajar (36.2%)
	Lain-lain (28.7%)
	Surirumahtanga (35.1%)
	pekerja informal 26.8 orang (40.5%)

Sumber : The Autumn Journal of Labor Law. vol.149  
The Composite Labor Research Institute,  
25hb. Okt.1988, p.107.

Dari segi jenis kerja, kebanyakan pelajar melibatkan diri dalam bidang bukan profesional atau separuh kemahiran seperti sektor perkhidmatan (33.4%), sektor restoran (31.5%), sektor penjajaan (14.1%), sektor pengangkutan

(6.9%) dan sektor pengedaran barang (9.5%). Boleh dikataan, majoriti pelajar adalah pekerja di restoran, kedai makanan moden (fastfood), Bar, kafeteria, hotel dan sebagainya.

Di samping itu, dalam struktur tenaga kerja pelajar, pelajar universiti atau kolej rendah merupakan golongan majoriti, iaitu 75.3% . Diikuti oleh pelajar sekolah menengah (14.4%) dan sekolah profesional atau sekolah beraneka (10.3%).

Kajian Institut tersebut turut menunjukkan sebab-sebab utama yang mendorong para majikan mengambil tenaga kerja pelajar sebagai kakitangannya adalah kerana mereka rajin bekerja (55.5%), bayaran gaji lebih murah (46.4%), untuk mengatasi kekurangan pekerja dalam masa sibuk (40.9%), kerja ringan (34.1%), pelanggan tidak tetap (25.8%), pekerja lelaki formal tidak sesuai dalam kerja tertentu (22.9%) dan umur sesuai untuk pelanggan (13.1%) serta ingin menggunakan keupayaan pekerja muda dengan berkesan (10.1%).

Rajah 6 : Peratusan Pelajar Asing Bekerja Arubaito

	Bekerja	Tidak Bekerja	
Jumlah	69.4%	38.6%	100%
Pelajar Kolej	58.3%	41.7%	100%
Pelajar Biasiswa	27.9%	72.1%	100%
Kerajaan Jepun			
Pelajar Persendirian	62.0%	38.0%	100%
Pelajar Pra-kolej	65.4%	34.6%	100%

Sumber : Jabatan Budaya-Hidup Tokyo. Dipetik dari The Nihongo Journal, Ogos 1989.hlm.86.

Satu kajian lagi dilakukan oleh Jabatan Budaya Hidup Tokyo (Tokyo seikatsu Bunka Kyoku) pada Ogos 1988 di kalangan Pelajar asing. Didapati 61.4% pelajar asing daripada jumlah 2183 orang ada melakukan kerja sampingan dan hanya 38.6% sahaja tidak bekerja. Jika dibandingkan antara pelajar kolej dengan pelajar pra-kolej, peratusan pelajar pra-kolej yang bekerja adalah lebih tinggi dari pelajar kolej iaitu 65.4% berbandingan dengan 58.3%. Manakala di kategori pelajar kolej sendiri, hanya 27.9% pelajar Biasiswa kerajaan Jepun yang bekerja, sebaliknya terdapat 62.0%. Pelajar persendirian ada melakukan kerja sampingan. (The Nihongo Jurnal, Ogos 1989:86) Sila rujuk rajah 6.

#### 4.3 Keadaan kerja Penuntut-penuntut Malaysia Di Jepun

Tidak dapat dinafikan, ramai pelajar Malaysia ingin belajar di Jepun, semata-mata kerana ada peluang belajar sambil bekerja. Disini, pengkaji membincangkan tentang keadaan Pelajar Malaysia yang bekerja berdasarkan kajian soal selidik di Jepun.

##### 4.3.1 Keadaan Arubaito

---

Pengkaji cuba mencari sebab utama bagi seseorang pelajar saradiri melakukan kerja sampingan. Dari kajian ini, tidak hairanlah didapati hampir 90% adalah berkaitan dengan motif kewangan, iaitu menyara hidup (42 orang atau 65.6%) dan mencari wang lebih (14 orang atau 21.9%). Selain

dari pada itu, adalah mengisi masa lapang (8 orang atau 12.5 %), mempelajari sesuatu (26 orang atau 40.6%) dan lain-lain (2 orang atau 3.1%).

Motif bekerja golongan pelajar Malaysia, nampaknya adalah sedikit berbeza dari pelajar Jepun. Ini dapat dilihat dalam kajian yang dilakukan oleh Institut Penyelidikan kerja di Tokyo pada 1985. Dalam kajian tersebut, terdapat 79.6% yang berhasrat untuk mendapat pengalaman kerja, 59.0% pula ingin melatih diri melalui pekerjaan dan hanya 51.7% yang disebabkan untuk mendapat wang lebih.(The Autumn Journal of Labour Law,1988:110) Dari ini boleh dikatakan bahawa Pelajar Malaysia yang bekerja semata-mata bertujuan untuk menyara diri (keperluan fizikal ), manakala pelajar Jepun pula ingin menyertai masyarakat untuk memperolehi pengalaman ( keperluan Sosial )

Pada umumnya terdapat berbagai jenis pekerjaan yang ditawarkan di pasar pekerjaan seperti memberi tuisyen, menterjemah, pelayan di restoran, tenaga kerja di kilang, kerani dan sebagainya. Bagi Pelajar Malaysia, kerja sampingan yang biasa dilakukan ialah membasuh pinggan di restoran, membersih bangunan dan kerja jenis lain yang tidak memerlukan kemahiran. Jadual 11 telah menunjukkan keadaan ini.


Jadual 11 : Jenis Kerja Sampingan

Jenis Kerja	Bil. Orang	Peratusan
<b>a. Sektor Makanan :</b>		
1. Restoran	3 4	53.1 % 53.1%
<b>b. Sektor Perkhidmatan :</b>		
1. Hotel	2	3.1
2. Station Minyak	1	1.6
3. Bilik Mandi Awam	1	1.6
4. Cashier	1	1.6
5. Kerani	1	1.6 9.5%
<b>c. Sektor Tenaga Buruh :</b>		
1. Kilang	6	9.4
2. Membersih Bangunan	4	6.2
3. Pembinaan	2	3.1
4. Pasar Borong	3	4.7 23.4%
<b>d. Sektor lain-lain</b>		
	9	14.0 14.0%
	=====	=====
	6 4	100.0%
	=====	=====

Waktu kerja adalah sentiasa mengikut kesesuaian masa seseorang pelajar. Jika masa belajarnya di waktu pagi, maka masa petang atau malamlah waktu kerjanya. Kebanyakan Pelajar bekerja pada masa petang hingga malam (56.0%), pagi (14.5%), petang (14.5%), malam (12.7%) dan lanjut malam (1.8%). Waktu kerja juga ditentukan oleh jenis kerja itu. Misalnya pelayan di restoran atau Bar, biasanya bekerja pada waktu malam.

Purata jumlah jam kerja dalam sehari adalah 5.3 jam. Jelas kelihatan ia telah melanggar jam maksimum sehari yang ditetapkan oleh Akta Kawalan Imigrasi Baru, iaitu 4 jam sehari. Rajah 7 menunjukkan bahawa terdapat 81.8% Pelajar Malaysia bekerja lebih daripada 4 jam sehari.

Rajah 7 : Jumlah Jam Kerja Dalam Sehari



Purata : 5.33 jam

Selain daripada itu, didapati purata hari bekerja dalam seminggu adalah 4.6 hari. Dalam hal ini, 32.7% pelajar bekerja 6 hari seminggu, 30.9% pelajar pula bekerja 5 hari, 18.2% pelajar bekerja 4 hari, 10.9% pelajar bekerja 3 hari, 5.5% pelajar bekerja 2 hari dan 1.8% pelajar pula bekerja sehari. Tiada pelajar yang bekerja kesemua tujuh hari dalam seminggu.

Di sini, pengkaji membuat satu anggaran bagi menunjukkan bilangan jam kerja minimum dalam sehari yang mesti dilakukan oleh seorang pelajar saradiri membolehkannya membayai segala pembelanjaan harian dan yuran tuisyen. Dalam membuat pengiraan ini, 3 andaian telah diambil iaitu :-

- 1) Jenis kerja sampingan itu adalah Pelayan di restoran dengan gaji Y1,000 sejam.
- 2) Jumlah jam kerja sehari = 5 jam; dan
- 3) Jumlah hari kerja sebulan = 25 hari.

Satu set anggaran jumlah perbelanjaan (kos hidup + Yuran Tuisyen ) sebulan disediakan seperti dibawah :-

Perbelanjaan	Pelajar Bahasa Jepun	Pelajar Universiti (kebangsaan)	Pelajar Universiti (Swasta)	(unit : Yen/Y)
Yuran tuisyen	50,000	47,500	85,000	
*Belanja Pelajar	10,000	10,000	10,000	
Pengangkutan	10,000	10,000	10,000	
Makanan	35,000	>125,000	35,000	35,000
Sewa	40,000	40,000	40,000	
Bil.eletrik & air	10,000	10,000	10,000	
Barang runcit	20,000	20,000	20,000	
	-----	-----	-----	-----
Jumlah	175,000	172,000	210,000	
	=====	=====	=====	=====

Nota (\*) : Belanja pelajar ialah bagi pembelian buku dan belanja lain yang perlu selain daripada yuran tuisyen.

#### Cara pengiraan pendapatan :

¥1000 x 5 jam	¥1000 x 7 jam	¥1000 x 6.9 jam	¥1000 x 8.4 jam
-----	-----	-----	-----
5000 x 25 hari	7000 x 25 hari	6900 x 25 hari	8400 x 25 hari
-----	-----	-----	-----
125,000 =====	175,000 =====	172,000 =====	210,000 =====

Dari anggaran tersebut, didapati seseorang yang belajar bahasa Jepun di Sekolah Bahasa Jepun, dihendaki bekerja 7 jam sehari untuk mengumpulkan wang sebanyak ¥175,000 bagi membiayai segala perbelanjaannya. Manakala seseorang mahasiswa yang menuntut di universiti kebangsaan, dia hanya perlu bekerja 6.9 jam sehari untuk mendapat wang sejumlah ¥172,500 dan mahasiswa yang menuntut di universiti Swasta

hendaklah bekerja lebih masa iaitu 8.4 jam sehari untuk mendapat Y210,000. Sekiranya seseorang pelajar bekerja hanya untuk mendapat wang membiayai kos hidup sahaja dan tidak memasuki yuran tuisyen, maka dia hanya perlu bekerja selama 5 jam sehari untuk mendapat wang sebanyak Y125,000.

Oleh itu, boleh dikatakan bahawa belajar secara saradiri bukanlah satu cara yang mudah. Dia terpaksa mengorbankan sejumlah besar masa untuk bekerja. Seorang pelajar dari East-West Japanese Language School memberitahu tentang kesulitan pengagihan masa seimbang dalam pelajaran dan kerja sampingannya. Beliau berkata ;

" Ramai orang menganggap belajar di luar negeri adalah sesuatu yang disanjungi, tetapi kehidupan yang penuh dengan kesengsaraan hanya dapat dirasai bagi mereka yang melaluinya sendiri. Tidak dapat dinafikan kehidupan sebagai pelajar saradiri adalah lebih susah jika dibandingkan dengan pelajar bukan saradiri. Belajar sambil bekerja adalah sangat menghauskan tenaga. Saya terpaksa menghadiri kelas dan sibuk melakukan arubaito untuk mendapat wang menyara diri. Kadang-kala keletihan badan fizikal menyebabkan saya tidak dapat membuat ulangkaji dan hanya ingin berehat. Walaupun tenaga fizikal dapat kembali selepas itu, tetapi terpaksa pula mengorbankan masa ulangkaji. Lama-kelamaannya, terdapat banyak sukan pelajaran yang tidak dapat dikuasai dan ia menambahkan lagi tekanan dalam menghadapi peperiksaan. Adalah sukar bagi saya mengimbangi kedua-dua perkara penting ini."

Dalam kajian ini, 79.7% pelajar memberitahu bahawa mereka dapat menumpu sepenuh perhatian terhadap pelajaran dibawah keadaan belajar sambil bekerja dan hanya 20.3% sahaja yang berjawapan negatif. Dalam analisis pengkaji , terdapat dua kemungkinan dalam jawapan ini. Yang pertama ialah jika pengagihan masa yang bijak dan seimbang, ia tidak menjadikan pelajaran. Yang kedua ialah pelajar tersebut bukan pelajar saradiri penuh, dengan lain kata dia ada menerima bantuan wang dari pihak lain seperti biasiswa, pinjaman atau dari keluarga. Maka pelajar itu mempunyai masa yang cukup untuk pelajaran.

Pelajar saradiri selalu bertukar kerja mereka. Ini adalah kerana pengagihan masa tidak sesuai, gaji rendah dan tidak cukup menyara diri, tempat kerja terlalu jauh, pindah tempat tinggal dan tekanan kerja tinggi. Keadaan pergerakan tenaga kerja yang tidak stabil ini telah menimbulkan perasaan tidak puas hati pihak majikan terhadap pelajar saradiri. Beberapa kritikan terhadap pelajar yang biasa ditemui ialah mereka hanya mengutamakan kesenangan sendiri (48.7%), tidak mematuhi kontrak atau berhenti kerja sesuka hati (37.4%), kerja tidak lama (37.3%), selalu ponteng atau banyak berehat (24.8%) dan kurang bertanggungjawab (33.4%).(The Autumn Journal of Labour Law, 1988:111)


#### **4.3.2 Pola Pendapatan**

---

Secara am, bayaran yang diterima oleh pelajar saradiri dianggarkan Y975.5 sejam (secara purata). Namun

demikian, ia bergantunglah kepada jenis kerja tertentu. Misalnya pembantu restoran bergaji Y800 - Y1,000 sejam, pelavan di Bar lebih dari Y1,300, hotel adalah Y800 sejam, dan kilang ringan bergaji Y900 sejam. Kerja yang tidak suka dilakukan oleh orang Jepun sendiri dan memakan lebih tenaga diberi upah yang lebih seperti tukang cat (Y1,300), pembersih bangunan (Y1,200 - Y1,300) dan kilang pembuatan (Y1,000 - Y2,000).

Rajah 8 : Jumlah Gaji Sehari



Purata : Y5527.27

Rajah 8 menunjukkan majoriti pelajar (58.2%) mendapat gaji Y4,000 - Y5,900 sehari dan hanya 3.6% sahaja memperolehi gaji Y10,000 sehari. Dengan kata lain, 85.4% pelajar mendapat gaji harian lebih dari Y4,000 (kira-kira M\$82.4%).

Jadual 12 : Jumlah Kerja Dan Pendapatan (Seminggu)

J.jam sehari (a)	J.hari seminggu (b)	J.jam kerja seminggu (c)=axb	pu.gaji sejam(Y) (d)	J.pendapatan seminggu(Y) (e)=cxd
Pelajar saradiri dari Malaysia	5.3	4.7	24.9	Y975.5
*Pelajar asing di Jepun	4.9	4.3	21.1	Y1,050
				Y22,155



Nota (\*) : dipetik dari kajian "part-time Employment for Foreign Students and Vocational students" oleh seikatsu Bunka kyoku dalam The Nihon-go Journal. Ogos.1989. p.87.

Dari jadual 12 pula dapat dilihat jumlah jam kerja seminggu pelajar Malaysia adalah lebih tinggi dari pelajar asing lain di Jepun, iaitu 3.8 jam bezanya. Walau pun purata gaji sejam nampaknya lebih rendah dari pelajar asing lain, tetapi secara jumlahnya pendapatan seminggu pelajar Malaysia adalah lebih tinggi iaitu Y24,290 berbanding dengan Y22,155.

Dari rajah 9, purata gaji bulan pada hari biasa adalah M\$1,826.30, manakala pada hari cuti sekolah adalah M\$4,050.80. Ini adalah kerana pada masa cuti pelajar boleh menggunakan lebih banyak masa membuat kerja sampingan. Iadsanya, pelajar saradiri akan menggunakan masa cuti panjang untuk mengumpul sebanyak wang yang boleh bagi membayai yuran tuisyen semester yang baru. Manakala gaji yang diperolehi pada masa biasa adalah untuk membayai kos hidup.

Rajah 9 : Jumlah Gaji Bulanan (Hari Biasa dan Hari Cuti)

RAJAH 1  
GAJI BULANAN




#### 4.3.3 Hubungan Dengan Majikan, Gaji Dan keadaan Kerja

Perhubungan antara pelajar saradiri dengan pihak majikan adalah agak mesra. Setakat ini , rajah 10 telah menunjukkan bahawa 95.3% pelajar memberi jawapan yang positif dalam hubungannya dengan majikan. Dalam perkara keadaan kerja, 100% memberi jawapan positif dan gaji, 89.1%. Hanya segelintir pelajar (4.7%) yang merasa tidak puas hati dalam hubungannya dengan majikan dan 10.9% dalam hal berkait dengan gaji.

Pengurus orang Jepun agak bertanggungjawab serta mengambil berat tentang kehadiran pelajar saradiri di tempat kerjanya. Walaupun pada amnya, pihak majikan lebih suka menerima pekerja Jepun dalam kerjanya atas sebab nilai sosial, budaya yang sama . Namun demikian, mereka jarang menolak kehadiran pelajar asing dalam kerja mereka. Kadang kala majikan akan memberi bantuan seperti menjadi penjamin dan mencari tempat tinggal kepada pelajar saradiri ini. Mereka bukan sahaja bertindak sebagai majikan , malah juga berlagak sebagai penasihat kepada pelajar saradiri dalam hal-hal kehidupan harian. Boleh dikatakan bahawa golongan pelajar saradiri itu dapat menyesuaikan diri dalam kerja sampingannya di Jepun.

Rajah 10 : Darjat Puashati Terhadap Gaji, Keadaan kerja dan hubungan majikan



Peratusan (%) :

Gaji :	3.1	42.2	43.8	10.9
Keadaan Kerja :	12.5	32.8	54.7	-
Hubungan Dgn Majikan :	20.3	39.1	35.9	4.7

Secara kesimpulannya, jenis kerja sambilan utama yang boleh didapati oleh pelajar saradiri pada asasnya adalah sedikit berbeza dengan pelajar Jepun. Pekerjaan paling popular di kalangan pelajar Jepun ialah memberi tuisyen kepada murid sekolah rendah, menengah dan tinggi di rumah mereka. Tugas ini menarik kerana berpendapatan lumayan dalam masa singkat. Namun, disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai kurikulum pendidikan Jepun, agak mustahil bagi pelajar asing untuk bekerja sebagai guru tuisyen di rumah. Tetapi mereka boleh mengajar bahasa ibundanya.

Satu pekerjaan yang boleh mendatangkan pendapatan tambahan bagi pelajar asing ialah penterjemahan dan kerja dalam bidang khas seperti komputer, tetapi kerja tersebut sukar diperolehi. Kerja sampingan yang biasa dilakukan ialah membantu pinggan di restoran, mencuci pejabat dan kerja sangan lain yang tidak memerlukan kemahiran. Meskipun ada kerja sampingan yang berakhir dalam tempoh sehari, tetapi ada yang berterusan hingga beberapa bulan atau setahun.

Secara ringkasnya, belajar sambil bekerja bukan satunya senang untuk menyara diri sepanjang pengajian di Jepun. Pelajar saradiri mestilah berazam kuat, berdisplin, mengambil berat tentang kesihatan badan dan jangan sekali-kala mengabaikan pelajaran. Namun demikian, ia merupakan satu peluang baik masuk ke dalam masyarakat Jepun dan mengadakan interaksi sosial serta mendalami budaya hidup orang Jepun.